



MENARA PERKESO
281, JALAN AMPANG
50538 KUALA LUMPUR
HOTLINE: 1-300-22-8000

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
PEKELILING MAJIKAN BIL. 1 TAHUN 2019**


**PEMBAYARAN KOS PENGHANTARAN PULANG JENAZAH
(PPJ) PEKERJA ASING YANG BERDAFTAR DENGAN PERKESO
UNTUK KES KEMATIAN BUKAN BENCANA KERJA (BBK)**

1. Mulai 1 Oktober 2019, majikan adalah layak untuk menuntut pembayaran kos penghantaran pulang jenazah(PPJ) pekerja asing mereka yang berdaftar dengan PERKESO untuk kes kematian bukan bencana kerja (BBK).
2. Bagi tujuan di atas, majikan hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:
 - i. Pekerja asing majikan merupakan pekerja asing yang sah dan berdaftar dengan PERKESO ;
 - ii. Kematian pekerja asing berlaku di dalam Malaysia dan disahkan melalui sijil kematian yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa;
 - iii. Terdapat maklumat berkaitan kematian pekerja asing oleh majikan sekiranya pekerja asing tersebut masih bekerja dengan majikan berkenaan;
 - iv. Kematian pekerja asing majikan tersebut berlaku pada atau selepas 1 Oktober 2019;

- v. Resit rasmi hendaklah dikemukakan atau apa-apa dokumen pengesahan bayaran bagi penghantaran pulang jenazah ke negara asal;
 - vi. Tuntutan kos PPJ pekerja asing ke negara asal bagi kes kematian pekerja asing yang berlaku disebabkan bukan bencana kerja hendaklah menggunakan Borang Tuntutan Kos Penghantaran Pulang Jenazah (Lampiran 1).
3. Pembayaran PPJ pekerja asing ke negara asal bagi kes kematian yang berlaku disebabkan bukan bencana kerja tidak akan dibayar sekiranya pekerja asing tersebut dilindungi di bawah skim keselamatan sosial negara asal yang ada membuat pembayaran pulang jenazah.
4. Pembayaran PPJ bagi majikan adalah mengikut kos sebenar berdasarkan resit tertakluk kepada jumlah maksimum **RM4,500**.
5. Apa-apa kemosyikilan berhubung dengan pekeliling ini hendaklah dikemukakan ke Cawangan Perhubungan Pelanggan PERKESO di talian 1-300-22-8000, layari laman sesawang www.perkeso.gov.my atau hadir ke pejabat PERKESO yang terdekat.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' SRI DR.MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED)

Ketua Eksekutif

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

Tarikh : 6/12/15